

**SK Catholic English
Pendidikan Moral Tahun 4
PdPR Minggu 15
Selasa 4hb Mei 2021**

**Unit 7 Kasih Sayang
Sifat Penyayang Pendorong Kejayaan**

Disediakan oleh Cikgu Hamisah



SIFAT PENYAYANG PENDORONG KEJAYAAN

Baca dan fahami rencana.

KASIH SAYANG JIRAN MENDORONG KEJAYAAN OKU

Ong Meng Hua, kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) berumur 10 tahun telah mencipta kejayaan dalam Kejohanan Olahraga Paralimpik. Beliau memperoleh pingat emas dalam acara larian 100 meter dan berjaya memecahkan rekod kejohanan. Kejayaannya menjadi kebanggaan jiran.

Meng Hua, pada mulanya tidak yakin akan keupayaan diri tetapi kasih sayang yang ditunjukkan oleh jiran telah mendorong dan membakar semangatnya. Setiap kali sesi latihan, mereka akan membimbing dan memberikan tunjuk ajar teknik larian yang betul.

Mereka juga sering menemaninya semasa latihan. Selain itu, motivasi yang diberikan oleh jiran membuatkan beliau berkeyakinan tinggi.


◆ Kamu menjadi pendorong kepada kejayaan jiran. Ceritakan perasaan kamu.



Ong Meng Hua memberitahu bahawa dia amat bersyukur mempunyai jiran yang ikhlas menyayangi dirinya.

Beliau berharap semoga jiran akan terus memberikan sokongan kepada dirinya. Beliau juga mahu kejayaan ini menjadi inspirasi dan merapatkan hubungan sesama jiran.

Lengkapkan peta minda dan bincangkan.



Lengkapkan peta dengan jawapan yang betul.

silaturahmi

memupuk

persengketaan

bantu-membantu

harmoni

prihatin

